



MINISTRY OF HEALTH
SINGAPORE



SINGHEALTH / PIL / M117R0

RISALAH MAKLUMAT UNTUK PESAKIT

DRUG-DRUG ANTI-INFLAMMASI BUKAN STEROID (NSAIDs)

Diclofenac
Ibuprofen
Indomethacin
Ketoprofen
Mefenamic Acid
Naproxen
Piroxicam
Meloxicam
Celecoxib



MENGENAI ubat anda

Ubat ini boleh digunakan untuk merawat kesakitan dan inflammasi (kebengkakan). Ubat ini juga boleh digunakan dalam rawatan rheumatoid arthritis, osteoarthritis dan penyakit-penyakit inflammasi lain.

Ubat ini bertindak dengan menghalang penghasilan prostaglansin. Prostaglansin merupakan bahan-bahan kimia yang dihasilkan oleh badan selepas kecederaan, dan mereka boleh menyebabkan kesakitan dan kebengkakan. Pengurangan penghasilan prostaglandin akan mengurangkan simptom-simptom selepas kecederaan. Namun, prostaglandin-prostaglandin ini juga membekalkan perlindungan kepada perut. Dengan ini, NSAIDs mungkin menyebabkan kesan-kesan sampingan seperti penghadaman makanan yang tidak bagus, ulser dan pendarahan perut.

Jenis-jenis NSAIDs baru yang dikenali sebagai penghalang selektif COX-2 (seperti celecoxib, etoricoxib), menghalang dengan memilih prostaglandins yang menyebabkan "inflammasi" tetapi mengekalkan tindakan prostaglandin yang melindungi perut. Dengan ini, kesan-kesan sampingan pada perut dapat dikurangkan.

BAGAIMANAKAH untuk saya mengambil ubat ini?

Doktor anda akan menentukan jumlah ubat yang anda perlu berdasarkan pada keterukan keadaan anda. Ambil ubat ini mengikut dos yang dipreskripsikan oleh doktor anda.

Ubat-ubat ini boleh diambil dengan makanan atau sebaik sahaja selepas makan untuk mengurangkan kesan-kesan sampingan perut. NSAIDs COX-2 selektif mungkin boleh diambil dengan atau tanpa makanan.

*Simpan semua ubat di tempat yang jauh daripada kanak-kanak
Buang semua ubat yang sudah melebihi tarikh luput atau sudah tidak diperlukan lagi*

Apa yang patut saya buat jika saya TERLUPA satu dos?

Jika anda tertinggal satu dos atau terlupa ambil ubat anda, ambil dos tersebut sebaik sahaja anda ingat. Namun, jika sudah menghampiri masa untuk dos yang berikutnya, maka tunggu sehingga masa tersebut dan biarkan sahaja dos yang terlupa. Jangan gandakan dos anda atau mengambil ubat yang berlebihan demi menggantikan dos yang terlupa. Jika anda sudah terlupa beberapa dos, sila panggil doktor anda untuk periksa dengan doktor apa yang patut anda buat.

Apakah KESAN-KESAN SAMPINGAN yang mungkin untuk ubat ini?

Berikut adalah sesetengah kesan sampingan biasa:

- Ketidakselesaan gastrousus
- Tindakan alahan
- Mual
- Cirit-birit
- Ulser perut
- Kesakitan kepala
- Kepeningan
- Gangguan pendengaran

Sesetengah orang mungkin mengalami penahanan bendalir serta peningkatan tekanan darah. NSAIDs mungkin mempengaruhi pembekuan darah. Penggunaan NSAIDs mungkin akan menyebabkan asma menjadi lebih buruk. Beritahu doktor anda jika anda mengalami sebarang kesan sampingan.

Apakah LANGKAH BERJAGA-JAGA yang patut saya ambil?

Sebelum pengambilan ubat anda, beritahu doktor anda jika:

- anda alahan terhadap sebarang ubat
- anda sedang hamil atau berancang untuk hamil
- anda sedang menyusui anak
- anda pernah menghidapi ulser perut dan duodenum (usus)
- anda sedang mengambil agen penipis darah (seperti aspirin, warfarin)
- anda mempunyai masalah kecacatan dalam sistem pembekuan darah.
- anda menghidapi penyakit-penyakit buah pinggang, jantung atau hati.

Bagaimana patut saya MENYIMPAN ubat ini?

Simpan ubat di tempat yang kering dalam suhu bilik, jauh daripada haba dan cahaya matahari langsung. Jangan menyimpan ubat di dalam peti sejuk kecuali diarahkan untuk membuat demikian.